



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN
JABATAN/AGENSI NEGERI TERENGGANU TAHUN 2019**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi pula merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957.

2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107 (2) pula, laporan ini hendaklah dikemukakan dan diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Sultan Terengganu untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu.

3. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agenzi Negeri Terengganu Tahun 2019 telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada 5 November 2020. LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu pula telah dibentangkan pada 10 Disember 2020. Kedua-dua LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, kedua-dua LKAN ini telah dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 13 September 2021, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu.
4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agenzi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agenzi Negeri Terengganu Tahun 2019

4.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Secara

keseluruhannya, penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM597.56 juta, iaitu meningkat sebanyak RM442.89 juta berbanding RM154.67 juta pada akhir tahun 2018.
- b. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan lebihan semasa berjumlah RM259.97 juta. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM768.44 juta atau 42.9% menjadi RM2.561 bilion berbanding RM1.793 bilion pada tahun 2018.
- c. Perbelanjaan mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) Kerajaan negeri pada tahun 2019 berjumlah RM1.582 bilion, meningkat sebanyak RM334.56 juta atau 26.8% berbanding RM1.248 bilion pada tahun 2018.
- d. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan bagi tahun kewangan 2019 mencatatkan lebihan sejumlah RM257.36 juta berbanding defisit RM2.61 juta pada tahun 2018.

- e. Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri pada tahun 2019 adalah baik iaitu sejumlah RM489.92 juta atau 81.7% telah dibelanjakan berbanding RM599.40 juta peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 5,094 projek telah dirancang, yang mana 4,858 projek iaitu 95.4% telah siap sepenuhnya, 150 projek (2.9%) sedang dilaksanakan dan 86 projek (1.7%) belum dimulakan.
- f. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM59.63 juta atau 24% daripada RM248.83 juta pada tahun 2018 kepada RM189.20 juta pada tahun 2019. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM21.17 juta atau 25.3% daripada RM83.52 juta pada tahun 2018 kepada RM62.35 juta pada tahun 2019.
- g. Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM423.15 juta atau 57.7% menjadi RM309.98 juta berbanding RM733.13 juta pada tahun 2018. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri menurun sebanyak RM388.43 juta atau 92% menjadi RM33.69 juta berbanding RM422.12 juta pada tahun 2018.

4.1.3. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- a. Mengikut Seksyen 5(1)(c), Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata

kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

- b. Setakat 31 Ogos 2020, sebanyak enam BBN dan tujuh PBT serta satu Majlis Agama Islam (MAI) telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit. Manakala dua agensi negeri lagi masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2019 untuk diaudit iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).
- c. Daripada 14 agensi negeri yang telah mengemukakan penyata kewangan, hanya dua agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2020. Manakala 12 agensi lain mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang penularan pandemik Covid-19. Agensi telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan sehingga 31 Mei 2020 dan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri Terengganu.

- d. Bagi penyata kewangan tahun 2019, hanya satu penyata kewangan agensi yang telah disahkan setakat 31 Ogos 2020 dan diberikan Pendapat Tanpa Teguran, iaitu Majlis Daerah Marang. Manakala 13 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan.
- e. Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam laporan kali ini memandangkan hanya satu analisis bagi Majlis Daerah Marang sahaja dilaksanakan dan tidak dapat memberi gambaran sebenar berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhannya.

4.1.4. Pengauditan Pematuhan

- a. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 and 4100*. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

b. Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri yang dilaksanakan melibatkan empat jabatan/agensi seperti berikut:

i. Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) di Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu:

- sebanyak 21 baucar bayaran AP58(a) melibatkan RM314,578 adalah perbelanjaan tanpa peruntukan kerana Pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas tarikh sebenar program; dan
- sebanyak 34 baucar bayaran AP58(a) tahun 2019 bagi bil/invois tahun 2017 berjumlah RM0.78 juta telah menggunakan Pesanan Kerajaan secara manual pada tahun 2017.

ii. Perolehan secara sebut harga dan rundingan terus di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu:

- kontrak formal tidak ditandatangani bagi perolehan bekalan bermasa.

iii. Perolehan secara pembelian terus di Majlis Bandaraya Kuala Terengganu:

- perolehan dibuat secara pecah kecil;

- perolehan insurans berjumlah RM487,738 tanpa Pesanan Kerajaan; dan
- Pesanan Kerajaan bagi perolehan berjumlah RM483,920 telah dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan diterima.

iv. Perolehan secara sebut harga di Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu:

- Dokumen kontrak tidak disediakan bagi perolehan perkhidmatan dan kerja bernilai RM462,074.

4.2. LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu

4.2.1. Pengurusan Aktiviti Jabatan Negeri

- a. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- b. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 ini, satu pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Terengganu, iaitu Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri Oleh Syarikat Konsesi. Secara keseluruhannya,

prestasi penyenggaraan jalan negeri oleh syarikat konsesi melibatkan kerja penyenggaraan rutin (kecuali R01 dan R02), berkala (pavemen dan bukan pavemen) dan kerja kecemasan adalah baik.

- c. Namun begitu, bagi penyenggaraan rutin R01 dan R02, terdapat kerja yang belum mencapai sasaran maksimum yang ditetapkan dalam perjanjian penyenggaraan. Selain itu, penilaian *outcome* tidak pernah dijalankan oleh JKR Negeri.

4.2.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

- a. Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga aspek, iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
- b. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 ini, satu pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di negeri Terengganu iaitu TTI Management Sdn. Bhd.. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan syarikat telah dicapai. Bagaimanapun, aspek tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan dan memerlukan penambahbaikan selaras dengan amalan terbaik korporat.
- c. Prestasi kedatangan pengunjung ke Taman Monumen dan pencapaian pendapatan aktiviti utama syarikat secara

keseluruhannya juga tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Kedudukan kewangan pula berada pada tahap kurang stabil kerana mencatat kerugian bagi tempoh tiga tahun berturut-turut dari tahun 2016 hingga 2018 dan merekodkan kerugian terkumpul RM4.23 juta.

- 4.3. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan syor kepada jabatan/agensi yang berkenaan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan. Sebanyak 13 syor telah dicadangkan dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2019 dan 10 syor dalam LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.
5. Kedua-dua LKAN ini telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 13 September 2021. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara mulai 14 September 2021 dan orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai jam 10.00 pagi. Sebarang

pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah
dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

13 September 2021

6 Safar 1443H